

NO. SOALAN: 41

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD

TARIKH : 10 OGOS 2017

RUJUKAN : 10075

SOALAN :

Dato' Ir. Nawawi Bin Ahmad [Langkawi] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk mewujudkan sistem Visa Ketibaan (Visa On Arrival) untuk pelancong-pelancong asing yang memasuki Pulau Langkawi.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kemudahan *Visa on Arrival* (VOA) telah diperkenalkan semula pada tahun 2014 selaras dengan hasrat kerajaan untuk menarik lebih ramai pelancong dari Republik Rakyat China (RRC) dan India berdasarkan syarat-syarat tertentu bagi mengelakkan penyalahgunaan kemudahan tersebut. Dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri berpandangan bahawa pelancong perlu memohon visa sebelum memasuki Malaysia kerana syarat visa merupakan elemen kawalan keselamatan dan tapisan awal terhadap pelancong yang paling ideal bagi mengawal dan memantau ketibaan pelancong luar ke Malaysia.

Kementerian ini tiada halangan untuk memperluaskan kemudahan VOA ini di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Langkawi pada masa akan datang. Namun begitu, pertimbangan akan turut mengambil kira dasar dan keperluan semasa negara tanpa berkompromi terhadap aspek keselamatan.

SULIT